



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 60**

**10hb Mei 2007**

**No. 10**

---

---

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 Tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 451.**

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*), Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 60756 Syit Bil. 57-B-IV yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Padang Bola dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Marang atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

#### JADUAL

Daerah—Marang. Mukim—Alur Limbat. Kawasan—Kampung Rawai. No. Pelan—PA 60756. Syit Bil. 57-B-IV. No. Lot—6299. Luas—2.070 hektar.

In exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code (*Act 56/65*), the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 60756 Sheet No. 57-B-IV deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Football Field and has designated that the District Officer of Marang or his successors in office shall maintain the reserved land.

## SCHEDULE

District—Marang. Mukim—Alur Limbat. Locality—Kampung Rawai.  
Plan No.—CP 60756. Sheets No. 57-B-IV. Lot No.—6299. Area—2.070 hectares.

Bertarikh 16 April 2007  
Dated 16 April 2007  
[PTG. Tr. 11/521;  
PTM. 14/63/G1/315;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. II]

A. RAHIM BIN JUSOH  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Terengganu/*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*of Terengganu*

**No. 452.**

Pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*), Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 128607 Syit Bil. 68-C, 76-A dan 76-B yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan telah menetapkan bahawa Pengarah Pertanian Negeri Terengganu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

## JADUAL

Daerah—Marang. Mukim—Pulau Kerengga. Kawasan—Kuala Tengah.  
No. Pelan—PA 128607. Syit Bil. 68-C, 76-A dan 76-B. No. Lot—9598.  
Luas—297.7 hektar.

In exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code (*Act 56/65*), the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 128607 Sheet No. 68-C, 76-A and 76-B deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Food Production Permanent Park and has designated that the State Director of Agriculture Terengganu or his successors in office shall maintain the reserved land.

## SCHEDULE

District—Marang. Mukim—Pulau Kerengga. Locality—Kuala Tengah.  
Plan No.—CP 128607. Sheets No. 68-C, 76-A and 76-B. Lot No.—9598. Area—  
297.7 hectares.

Bertarikh 17 April 2007  
Dated 17 April 2007  
[PTG. Tr. 06/66/2004/0016;  
PTM. 00/08/2000/0001;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. II]

A. RAHIM BIN JUSOH  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Terengganu/*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*of Terengganu*

**No. 453.**

Pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*), Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 11-063798 Syit Bil. 49-B-III yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Masjid dan telah menetapkan bahawa Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama, Terengganu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

## JADUAL

Daerah—Kuala Terengganu. Mukim—Belara. Kawasan—Kampung Padang Ujid. No. Pelan—PA 11-063798. Syit Bil. 49-B-III. No. Lot—9900. Luas—7503 meter persegi.

In exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code (*Act 56/65*), the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 11-063798 Sheet No. 49-B-III deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for Mosque and has designated that the Commissioner of Religious Affairs of Terengganu or his successors in office shall maintain the reserved land.

## SCHEDULE

District—Kuala Terengganu. Mukim—Belara. Locality—Kampung Padang Ujid. Plan No.—CP 11-063798. Sheets No. 49-B-III. Lot No.—9900. Area—7503 square metres.

Bertarikh 16 April 2007  
Dated 16 April 2007  
[PTG. Tr. 05/62/1987/J/079;  
PTK. Tr. (G) 02/10/18;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. II]

A. RAHIM BIN JUSOH  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Terengganu/*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*of Terengganu*

**No. 454.**

Pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*), Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 129011 Syit Bil. 41-B-IV yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Taman Rekreasi dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Kuala Terengganu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

## JADUAL

Daerah—Kuala Terengganu. Mukim—Kuala Nerus. Kawasan—Kampung Tok Jiring. No. Pelan—PA 129011. Syit Bil. 41-B-IV. No. Lot—32577. Luas—1.960 hektar.

In exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code (*Act 56/65*), the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 129011 Sheet No. 41-B-IV deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for recreation ground and has designated that the District Officer of Kuala Terengganu or his successors in office shall maintain the reserved land.

## SCHEDULE

District—Kuala Terengganu. Mukim—Kuala Nerus. Locality—Kampung Tok Jiring. Plan No.—CP 129011. Sheets No. 41-B-IV. Lot No.—32577. Area—1.960 hectares.

Bertarikh 16 April 2007  
Dated 16 April 2007  
[PTG. Tr. 05/66/2005/0058;  
PTK. Tr. 12/66/2006/G/020;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. II]

A. RAHIM BIN JUSOH  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Terengganu/*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*of Terengganu*

**No. 455.**

## NOTIS-NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN BAGI MAKSUD AWAM

NOTICES OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR  
A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya menurut Pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Terengganu Darul Iman* No. 530 bertarikh 15 Ogos 1985, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*), telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. 11-055130 Bilangan Syit 57-A yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu sebagai suatu tapak stesen bas dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Hulu Terengganu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

Dan bahawasanya, adalah didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman iaitu perizaban tanah tersebut hendaklah dibatalkan keseluruhannya.

Maka oleh yang demikian, notis dengan ini diberi di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara 1965 bahawa Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman bercadang untuk membatalkan perizaban tanah tersebut dan mana-mana orang yang berniat untuk membantah terhadap pembatalan perizaban tersebut boleh mengemukakan bantahannya dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis ini dan bantahan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Terengganu di suatu penyiasatan yang akan diadakan di pejabatnya di Kuala Terengganu pada 5 Julai 2007 jam 10.00 pagi.

## JADUAL

Daerah—Hulu Terengganu. Mukim—Kuala Telemung. Kawasan—Kuala Telemung. No. Pelan—11-055130. Bil. Syit 57-A. No. Lot—3028. Luas—6040 meter persegi.

Whereas, by notification published in the Government of Terengganu Darul Iman *Gazette* No. 530 dated 15 August 1985, the State Authority of Terengganu Darul Iman in exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code (*Act 56/65*), has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. 11-055130 Sheet No. 57-A deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for bus station and has designated that the District Officer of Hulu Terengganu or his successors in office shall maintain the reserved land.

And whereas, it now appears expedient to the State Authority of Terengganu Darul Iman that the reservation of the said land should be revoked wholly.

Now, therefore, notice is hereby given in accordance with subsection 64(2) of the National Land Code 1965 that the State Authority of Terengganu Darul Iman proposed to revoke the reservation of the said land and any person who intends to object against the said reservation may submit his objection within one month from the date of this notice and the objection shall be heard by the Director of Land and Mines of Terengganu at an inquiry to be held at his office in Kuala Terengganu on 5 July 2007 at 10.00 a.m.

## SCHEDULE

District—Hulu Terengganu. Mukim—Kuala Telemung. Locality—Kuala Telemung. Plan No.—11-055130. Sheets No. 57-A. Lot No.—3028. Area—6040 square meters.

Bertarikh 16 April 2007  
Dated 16 April 2007  
[PTG. Tr. 11/534;  
PTHT. (B) 13/81;  
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. II]

A. RAHIM BIN JUSOH  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Terengganu/*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*of Terengganu*

**No. 456.**

Bahawasanya menurut Pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Terengganu Darul Iman* No. 651 bertarikh 27 September 1984, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara (*Akta 56/65*), telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas Pelan yang diperakui No. 52327 Bilangan Syit 73-D yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu sebagai suatu tapak pusat sivik dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Hulu Terengganu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab itu.

Dan bahawasanya, adalah didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman iaitu perizaban tanah tersebut hendaklah dibatalkan keseluruhannya.

Maka oleh yang demikian, notis dengan ini diberi di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara 1965 bahawa Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman bercadang untuk membatalkan perizaban tanah tersebut dan mana-mana orang yang berniat untuk membantah terhadap pembatalan perizaban tersebut boleh mengemukakan bantahannya dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis ini dan bantahan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Terengganu di suatu penyiasatan yang akan diadakan di pejabatnya di Kuala Terengganu pada 28 Jun 2007 jam 10.00 pagi.

## JADUAL

Daerah—Hulu Terengganu. Mukim—Tersat. Kawasan—Kampung Bukit Gemuruh. No. Pelan—52327. Bil. Syit 73-D. No. Lot—2237. Luas—2050 meter persegi.

Whereas, by notification published in the Government of Terengganu Darul Iman *Gazette* No. 651 dated 27 September 1984, the State Authority of Terengganu Darul Iman in exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code 1965, has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. 52327 Sheet No. 73-D deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for civic centre and has designated that the District Officer of Hulu Terengganu or his successors in office shall maintain the reserved land.

And whereas, it now appears expedient to the State Authority of Terengganu Darul Iman that the reservation of the said land should be revoked wholly.

Now, therefore, notice is hereby given in accordance with subsection 64(2) of the National Land Code 1965 that the State Authority of Terengganu Darul Iman proposed to revoke the reservation of the said land and any person who intends to

object against the said reservation may submit his objection within one month from the date of this notice and the objection shall be heard by the Director of Land and Mines of Terengganu at an inquiry to be held at his office in Kuala Terengganu on 28 June 2007 at 10.00 a.m.

## SCHEDULE

District—Hulu Terengganu. Mukim—Tersat. Locality—Kampung Bukit Gemuruh. Plan No.—52327. Sheets No. 73-D. Lot No.—2237. Area—2050 square meters.

Bertarikh 19 April 2007

Dated 19 April 2007

[PTG. Tr. 8/421;

PTHT. (B) 3/79;

PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. II]

A. RAHIM BIN JUSOH

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Negeri Terengganu/*

*Secretary of the State Executive Council  
of Terengganu*

**No. 457.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Hou Chong Foo K/P. 211229–71–5021 (0458671) yang beralamat di No. 46 C, Jalan Sultan Zainal Abidin, 20000 Kuala Terengganu, telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

## JADUAL

Bandar—Kuala Terengganu. No. P.T.—969P dan 3130P. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 2340 dan H.S.(D) 4857. Luas—130.06 meter persegi dan 332 meter persegi.

Bertarikh 5 April 2007

[PTG. Tr. 05/2007/B/005-(2)]

OMAR BIN MAT

*Pendaftar Hakmilik  
Terengganu*

**No. 458.**

PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

(Kali Kedua).

Dalam perkara seksyen 265, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

RHB Bank Berhad, Pemegang Gadaian.

Dan

Juliyawati binti Salim K/P. 730225-01-5874, Penggadai.

Dalam menjalankan perintah Pentadbir Tanah Dungun, Terengganu yang diperbuat dalam perkara yang tersebut di atas bertarikh 22 Januari 2007 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Dungun, Terengganu.

Akan menjual secara lelongan awam pada 25 Jun 2007 (Isnin) jam 10.00 pagi di Sudut Lelongan Awam Pejabat Tanah Dungun, Terengganu.

Nota: Bakal pembeli berminat dinasihatkan membuat Carian Rasmi dan memeriksa hartanah tersebut sebelum lelongan. Tertakluk kepada syarat lelong.

Keterangan Hartanah:

No. Hakmilik	: G.M. 2626.
No. Lot	: 4195.
Mukim	: Kuala Paka.
Tempoh Pegangan Milik	: Tiada.
Keluasan Tanah	: 338 meter persegi.
Sewa Tahunan	: RM10.00.
Kategori Kegunaan Tanah	: Bangunan.
Pemilik Berdaftar	: Juliyawati binti Salim K/P. 730225-01-5874.

Syarat Nyata:

- (i) Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata bagi tapak sebuah rumah kediaman sahaja.
- (ii) Di dalam masa dua (2) tahun daripada tarikh kelulusan penukaran syarat tanah ini atau di dalam satu masa lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu hendaklah didirikan sebuah bangunan rumah tempat kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Dungun.



Sekatan Kepentingan:

Tiada.

Bebanan:

Telah digadai kepada RHB Bank Berhad pada 17 Julai 2002 sebagaimana No. Perserahan 1723/2002.

Lokasi dan Keterangan Harta:

Tanah tersebut terdapat sebuah bangunan rumah berkembar terletak di Taman Delima (Layout Chachar), Mukim Kuala Paka.

Harga Rizab:

RM90,000.00 Hutang tertunggak sehingga 17 Oktober 2006 berjumlah RM40,225.55.

Bertarikh 16 April 2007  
[PTD. 07/53/2004/0025]

NORLIZA BINTI ISMAIL  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Dungun*

**No. 459.**

#### PEMBERITAHU-PEMBERITAHU LELONGAN AWAM

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah, Besut akan menjual lelong satu (1) tempat tanah kerajaan P.T. 610 di Kawasan Penempatan Pasir Akar Mukim Pasir Akar.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada hari Isnin 28 Mei 2007 jam 9.00 pagi.

3. (a) Kenyataan Tanah:

- i. Tempat — Batu 1 $\frac{1}{2}$ .
- ii. Keluasan (sementara) — 1006 meter persegi.
- iii. Suratan Hakmilik — Pajakan Mukim 60 Tahun.

(b) Harga Tanah:

Harga permulaan lelong ialah sebanyak RM2,500.00.

(c) Harga Tambahan:

- i. Hasil Tahunan — RM 11.00
- ii. Bayaran Upah Ukur — RM200.00
- iii. Tanda Sempadan — RM 20.00
- iv. Persediaan Pelan — RM 5.00
- v. Persediaan dan Pendaftaran Hakmilik Sementara — RM 20.00
- vi. Persediaan dan Pendaftaran Hakmilik Kekal — RM 20.00

Jumlah: RM276.00

## (d) Syarat Nyata:

- i. Hendaklah didirikan bangunan kediaman.
- ii. Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pentadbir Tanah Besut hendaklah didirikan dan disiapkan dengan sempurna bangunan kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

## (e) Sekatan Kepentingan:

- i. Tanah ini tidak dibenarkan pindahmilik dan pajak dalam tempoh 10 tahun daripada ianya diberimilik.
- ii. Tanah ini tidak dibenarkan gadai dalam tempoh 10 tahun daripada ianya diberimilik kecuali bagi tujuan pinjaman mendirikan rumah atas tanah tersebut sahaja setelah mendapat kebenaran Pentadbir Tanah Besut.
- iii. Selepas tempoh (i) dan (ii) di atas, tanah ini tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah Besut.

4. Lelongan ini hendaklah dibuka kepada Orang Melayu sahaja mengikut taksiran di bawah Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360H.

5. Syarat-syarat melelong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, Tahun 1966 seperti berikut:

- (i) Pentadbir Tanah Daerah berhak membatalkan atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penyambut lelong.
- (ii) Penyambut yang tinggi sekali itulah yang menjadi pembeli, asalkan tawarannya itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga khas.
- (iii) Sebaik-baik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah Daerah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 3 di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula dengan serta-merta.
- (iv) Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari yang keseratus dua puluh (120) daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan yang demikian selesai dan putuslah pembeliannya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu maka hilanglah wang cengkeramnya, dapat kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutan kepada tanah itu atau sebarang bahagian daripada wang harganya sekiranya tanah itu dijual kemudian dengan sebab mungkirnya itu.

- (v) Surat-surat Milik Penyudah hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan dengan seberapa segera setelah habis jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juru Ukur maka hendaklah dikeluarkan keterangan Hakmilik Sementara.
- (vi) Hendaklah diberimilik dengan serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau keterangan Hakmilik Sementara.

6. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah-tanah yang tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah, Besut pada waktu pejabat dibuka.

PEJABAT TANAH BESUT.

Bertarikh 4 April 2007  
 [PTG. Tr. 01/15/2006/0083;  
 PTB. 11/17/1995/A.129]

MOHD. ISKANDAR BIN MUHAMMAD AZIZ  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Besut*

**No. 460.**

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah, Besut akan menjual lelong satu (1) tempat tanah kerajaan P.T. 816 di Kawasan Batu 1 $\frac{1}{2}$  Mukim Keluang.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada hari Isnin 28 Mei 2007 jam 9.15 pagi.

3. (a) Kenyataan Tanah:

- i. Tempat — Batu 1 $\frac{1}{2}$  .
- ii. Keluasan (sementara) — 1071 meter persegi.
- iii. Suratan Hakmilik — Pajakan Mukim 60 Tahun.

(b) Harga Tanah:

Harga permulaan lelong ialah sebanyak RM2,150.00.

(c) Harga Tambahan:

i. Hasil Tahunan	—	RM 11.00
ii. Bayaran Upah Ukur	—	RM200.00
iii. Tanda Sempadan	—	RM 25.00
iv. Persediaan Pelan	—	RM 5.00
v. Persediaan dan Pendaftaran Hakmilik Sementara	—	RM 20.00
vi. Persediaan dan Pendaftaran Hakmilik Kekal	—	RM 20.00
<b>Jumlah:</b>		RM281.00

(d) Syarat Nyata:

- i. Hendaklah didirikan bangunan kediaman.
- ii. Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pentadbir Tanah Besut hendaklah didirikan dan disiapkan dengan sempurna bangunan kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

(e) Sekatan Kepentingan:

- i. Tanah ini tidak dibenarkan pindahmilik digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah Besut.

4. Lelongan ini hendaklah dibuka kepada Orang Melayu sahaja mengikut taksiran di bawah Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360H.

5. Syarat-syarat melelong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, Tahun 1966 seperti berikut:

- (i) Pentadbir Tanah Daerah berhak membatalkan atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penyambut lelong.
- (ii) Penyambut yang tinggi sekali itulah yang menjadi pembeli, asalkan tawarannya itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga khas.
- (iii) Sebaik-baik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah Daerah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 3 di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula dengan serta-merta.
- (iv) Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari yang keseratus dua puluh (120) daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan yang demikian selesai dan putuslah pembeliannya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu maka hilanglah wang cengkeramnya, dapat kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutan kepada tanah itu atau sebarang bahagian daripada wang harganya sekiranya tanah itu dijual kemudian dengan sebab mungkirnya itu.
- (v) Surat-surat Milik Penyudah hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan dengan seberapa segera setelah habis jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juru Ukur maka hendaklah dikeluarkan keterangan Hakmilik Sementara.

(vi) Hendaklah diberimilik dengan serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau keterangan Hakmilik Sementara.

6. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah-tanah yang tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah, Besut pada waktu pejabat dibuka.

PEJABAT TANAH BESUT.

Bertarikh 4 April 2007  
[PTG. Tr. 01/15/2006/0040;  
PTB. 11/17/1995/A.148]

MOHD. ISKANDAR BIN MUHAMMAD AZIZ  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Besut*

#### KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 1995

**No. 461.**

(Seksyen 28)

#### NOTIS PENANGGUHAN SIASATAN

Kepada Bank Islam Malaysia Berhad yang beralamat di Tingkat 1, Lot 1129 & 1130, Darul Takaful Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu (Ruj: 130 170 80025746), pemegang gadaian di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Kepada Zaimah binti Salim K/P. 640420-11-5070 yang beralamat di No. 670, Jalan Pasir Panjang, Bukit Besar, 21000 Terengganu, penggadai di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa siasatan bagi tanah tersebut telah ditetapkan pada 18 Jun 2007 (Isnin) jam 10.00 pagi di Bilik Penolong Pentadbir Tanah II, Pejabat Tanah Dungun. Tuan/puan adalah dikehendaki HADIR.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Dungun. No. Lot—1181. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 4573. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2260/2003.

Bertarikh 16 April 2007  
[PTD. 06/53/2005/0007(14)]

NORLIZA BINTI ISMAIL  
*Pentadbir Tanah*  
*Dungun*

**No. 462.**

(Seksyen 264(3))

## NOTIS-NOTIS PENANGGUHAN LELONGAN

Kepada Tuan Pengurus, RHB Bank Berhad yang beralamat di Mezzanine & 1st Floor, No. 23, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan (Ruj: ECCMC/TAH/sf/KTN2822(SMI-R)), pemegang gadaian di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Kepada Teh binti Kthb Musa K/P. 500812-11-5008 yang beralamat di No. Lot 1, Kedai Kampung Baru Peramu, 26060 Kuantan, penggadai di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa Lelongan Awam Kali Kedua bagi tanah tersebut telah ditetapkan pada 25 Jun 2007 (Isnin) jam 10.00 pagi di Sudut Lelongan Awam, Pejabat Tanah Dungun. Pemegang gadaian dimestikan HADIR semasa Lelongan dijalankan.

Harga Rezab RM76,500.00.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Abang. No. Lot—432. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 188. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1872/2001.

Bertarikh 16 April 2007  
[PTD. 01/53/2004/0001(49)]

NORLIZA BINTI ISMAIL  
*Pentadbir Tanah  
Dungun*

**No. 463.**

Kepada Tuan Pengurus, RHB Bank Berhad yang beralamat di East Coast Collection Management Centre, Mezzanine & 1st Floor, 23 Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan (Ruj: MB/ZARHB/17/98(B)), pemegang gadaian di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Kepada Che Jusoh bin Mohamad K/P. 4682546 yang beralamat di No. Lot 98, Taman Desa Putra, Kampung Banggol Tuan Muda, Manir, 21200 Kuala Terengganu, penggadai di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa Lelongan Awam Kali Kedua bagi tanah tersebut telah ditetapkan pada 25 Jun 2007 (Isnin) jam 10.00 pagi di Sudut Lelongan Awam, Pejabat Tanah Dungun. Pemegang gadaian dimestikan HADIR semasa Lelongan dijalankan.

Harga Rezab RM103,500.00.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Paka. No. Lot—4567. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3044. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 808/1997; Folio 26; Jilid 5.

Bertarikh 16 April 2007  
[PTD. 07/53/2004/0006(48)]

NORLIZA BINTI ISMAIL  
*Pentadbir Tanah*  
*Dungun*

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

**No. 464.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tempat Meletak Kenderaan Dan Kegiatan Lain Di Kampung Padang Tanjung, Mukim Bukit Payung, Marang.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Mukim—Bukit Payung, Daerah—Marang.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Hektar	Hektar
1287	7088	Asiah binti Chik K/P. 5374604 – 78/420 bhg., Meriam @ Zaiton bt. Chik K/P. 2638964 – 26/420 bhg., Mohd Shelahudin bin Embong K/P. 670107-11-5071 – 2/3 bhg., Salleh bin Chik K/P. 3807836 – 10/420 bhg. dan Zainab binti Chik K/P. 4276044 – 26/420 bhg.	0.4172	0.4172
1288	7181	Aimis Nora binti Mohamad K/P. 710408-11-5116 – 1/1 bhg.	0.2808	0.1318
		Jumlah:	0.698	0.549

Bertarikh 15 April 2007  
[PTG. Tr. 05/62/2006/G/039;  
PTM. 02/62/2004/0001]

DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL  
*Pengarah Tanah dan Galian*  
*Terengganu*

**No. 465.**

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tapak Dewan Orang Ramai Di Kampung Telok Kalung, Mukim Telok Kalung, Daerah Kemaman.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

## JADUAL

## Mukim—Telok Kalung, Daerah—Kemaman.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Meter Persegi	Meter Persegi
82	1961	Che Saudah bt. Awang K/P. 0486223	6956.5455	6956.5455
85	1964	Che Saudah bt. Awang K/P. 0486223	3083.7043	3083.7043
86	723	Rokiah binti Abdullah K/P. 1100082	3237.4848	3237.4848
Jumlah:				13277.7346

Bertarikh 9 April 2007  
[PTG. Tr. 04/62/2007/H/013;  
PTK. 12/62/2006/H/001]

DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL  
*Pengarah Tanah dan Galian*  
*Terengganu*

**No. 466.**

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tapak Masjid Alor Lintang, Mukim Kampung Raja, Daerah Besut.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.



## JADUAL

## Mukim—Kampung Raja. Daerah—Besut.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	P.M.		Hektar	Hektar
1913	54	Abdullah bin Salleh K/P. 490920-11-5041 – 3/64 bhg., Ismail bin Dollah K/P. 2633145 – 3/32 bhg., Ismail bin Zakaria K/P. 480325-11-5041 – 9/64 bhg., Mustafa Kamal bin Mohd Khalil @ Mohamed bin Khalib K/P. 2848738 – 4/8 bhg., Sabariah binti Ghazali K/P. 2848727 – 1/8 bhg. dan Mat Jusoh bin Abdullah K/P. 4683068 – 3/32 bhg.	0.2085	0.2085
	G.M.			
82	400	Nancy Teo K/P. 4632421 – 1/1 bhg.	0.2071	0.12194

Bertarikh 16 April 2007  
[PTG. Tr. 01/62/2006/J/053 (9);  
PTB. 05/62/2005/J/001 (18)]

DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Terengganu*

**No. 467.**

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tapak Pembinaan 'Barrage' Di Sungai Besut, Mukim Pasir Akar,  
Daerah Besut.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

## JADUAL

## Mukim—Pasir Akar. Daerah—Besut.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Hektar	Hektar
4112	2681	Zainab binti Jusoh K/P. 4201393	0.8145	0.0786
490	2444	Mohd Hanapi bin Jali K/P. 4895219	1.9146	0.5208

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Hektar	Hektar
3154	2016	Mahasan bin Jusoh K/P. A1698069 – 1/3 bhg., Mat Yasin bin Mohd Nor – 1/3 bhg. dan Muhamad bin Jusoh K/P. 2894378 – 1/3 bhg.	0.9804	0.1904
3151	2013	Hajjah Eshah binti Muda K/P. 340519-11-5076 – 1/3 bhg., Sepiah binti Muda K/P. 391217-11-5062 – 1/3 bhg. dan Yaacob bin Muda K/P. 380726-11-5067 – 1/3 bhg.	0.9632	0.2045
485	2306	Ibrahim bin Jusoh K/P. 4508864	2.3573	0.5613
	M.G.			
3339	1919	Halimah binti Mat Zain K/P. 431213-03-5042 – 1/2 bhg. dan Siti Fatimah binti Mat Zain K/P. 490703-03-5328 – 1/2 bhg.	2.6520	0.4824
Jumlah Pengambilan:				2.0380

Bertarikh 15 April 2007  
[PTG. Tr. 01/62/2007/B/012 (4);  
PTB. 11/62/2006/B/012 (1)]

DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Terengganu*

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA